

1974

KOTA BAHRU, 28 SEPT. (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MEMBERI JAMINAN BAHWA JAWATANKUASA PENGKAJI PERLAKSANAAN DASAR PELAJARAN AKAN MEMBERI PELUANG YANG SELUAS-LUASNYA KEPADA SEMUA PIHAK UNTUK MENGEMUKAKAN PENDAPAT MEREKA.

KATANYA, JAWATANKUASA PERINGKAT MENTERI AKAN MENERIMA MEMORANDAM-MEMORANDAM DARI PIHAK-PIHAK YANG BERMINAT DALAM PERLAKSANAAN DASAR PELAJARAN UNTUK DIKAJI.

DR. MAHATHIR MEMBUAT PENJELASAN ITU SUPAYA TIDAK TIMBUL SEBARANG

KERAGUAN TENTANG CARA-CARA JAWATANKUASA TERSEBUT AKAN BERTINDAK APABILA MENJALANKAN TUGAS-TUGASNYA. 71

BELIAU TELAH BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN AGUNG KE-17 PERSATUAN GURU-GURU MELAYU KELANTAN DISINI PETANG INI.

KATANYA, JAWATANKUASA TERSEBUT DIBENTUK DENGAN DIANGGOTAI OLEH MENTERI-MENTERI SUPAYA APABILA MEREKA MENCAPAI SESUATU KEPUTUSAN MAKA KEPUTUSAN TERSEBUT AKAN LEBIH MUDAH DITERIMA OLEH KABINET ATAU KERAJAAN.

DR. MAHATHIR BERKATA SEBUAH SEKRETARIAT KHAS AKAN DIBENTUK BAGI JAWATANKUASA ITU YANG AKAN MENYEDIKAN KERTAS-KERTAS KERJA DAN KERTAS-KERTAS MESYUARATNYA. -- BERSAMBONG 1813/YF

592

MAHATHIR KOTA BAHRU 2

KALANGAN PAKAR-PAKAR PELAJARAN ATAU ORANG-ORANG TERTENTU MUNGKIN AKAN DIJEMPUT UNTUK MENGHADIRI MESYUARAT-MESYUARAT JAWATANKUASA ITU.

DR. MAHATHIR SELANJUTNYA MENYERU GURU-GURU SUPAYA SENTIASA BERUSAHA UNTUK MENJADI GURU-GURU YANG BERKESAN DAN MENGIKUT MASA DISEPANJANG MASA PERKHIDMATANNYA.

KATANYA LATIHAN DIMAKTAB YANG DITERIMA BEBERAPA TAHUN LALU MUNGKIN SUDAH BANYAK YANG KURANG SESUAI DENGAN PERKEMBANGAN-PERKEMBANGAN YANG BARU TERUTAMA DIBIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI.

BELIAU MENCADANGKAN SUPAYA KESATUAN-KESATUAN GURU MENGAMBIL INISIATIF MEMBIMBING AHLI-AHLI MEREKA DALAM PERKARA ITU.

DR. MAHATHIR JUGA BERKATA, BERIKUTAN DENGAN PERUBAHAN-PERUBAHAN YANG BERLAKU DALAM BIDANG PELAJARAN, PERANAN-PERANAN GURU-GURU TURUT BERUBAH DARIPADA MENYUAP MURID-MURID DENGAN ILMU PENGETAHUAN KEPADA MEMBIMBING MEREKA SUPAYA BOLEH Mencari ILMU PENGETAHUAN SENDIRI.

BELIAU TELAH JUGA MENGARAHKAN PUSAT KURIKULAM DI KEMENTERIAN PELAJARAN SUPAYA BERUSAHA MEMBIASAKAN DIRI MURID-MURID TERUTAMANYA ANAK-ANAK BUMIPUTRA DENGAN ALAM PERNIAGAAN.

KATANYA, LANGKAH KEARAH ITU BOLEH DIMULAKAN DIPERINGKAT TAMAN DIDIKAN KANAK-KANAK LAGI DENGAN MENGADAKAN PERMAINAN BERJUAL-BELI SUPAYA KANAK-KANAK MENJADI MAHIR DALAM SOAL-SOAL BERJUAL-BELI DAN Mencari KEUNTUNGAN. -- BERNAMA 1818/YF